

**SULIT**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**JABATAN PENGAJIAN AM**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SESI DISEMBER 2017**

**DUB1012 : MALAYSIAN STUDIES**

**TARIKH : 06 APRIL 2018  
MASA : 3.00 PETANG - 4.00 PETANG (1 JAM)**

---

Kertas ini mengandungi **TIGA BELAS (13)** halaman bercetak.

Objektif (40 soalan)

Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIARAHKAN**

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)

**SULIT**

**ARAHAN :**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT PULUH (40)** soalan objektif. Tandakan jawapan anda di dalam borang OMR yang disediakan.

- CLO1  
C1
1. Manakah antara berikut **BUKAN** merupakan jawatan pembesar di zaman Kerajaan Melayu Melaka?
- A. Sultan
  - B. Bendahara
  - C. Laksamana
  - D. Temenggung
- CLO1  
C1
2. Siapakah pengasas kesultanan baharu di Selangor?
- A. Raja Haji
  - B. Raja Lumu
  - C. Daeng Chelak
  - D. Daeng Parani
- CLO1  
C1
3. Manakah antara berikut merupakan kesan penjajahan Belanda di Tanah Melayu?
- A. Peninggalan bangunan A Famosa
  - B. Peninggalan bangunan Stadhuys
  - C. Penggunaan sistem demokrasi dalam pemerintahan negara
  - D. Perkataan almari, tuala dan jendela digunakan dalam Bahasa Melayu
- CLO1  
C2
4. Bukti kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu dapat dilihat berdasarkan sumber-sumber berikut **KECUALI**:
- A. Batu bersurat di Terengganu
  - B. Penggunaan mata wang bertulisan jawi
  - C. Penggunaan perkataan Arab dalam pertuturan masyarakat pada waktu itu.
  - D. Penggunaan perundangan Islam dalam Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka
- CLO1  
C2
5. Mengapakan orang Melayu menentang Malayan Union?
- A. Kedaulatan Raja Melayu dikekalkan
  - B. Pemberian kerakyatan secara *jus soli*
  - C. Singapura dimasukkan ke dalam Malayan Union
  - D. Penggubalan Malayan Union melibatkan pemimpin Melayu

CLO1  
C2

6.

- Layanan baik kepada orang Melayu
- Layanan baik kepada orang India
- Layanan buruk kepada orang Cina
- Timbul syak wasangka dan kebencian orang Cina terhadap orang Melayu

Kenyataan di atas adalah berkaitan dengan dasar X semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Dasar tersebut ialah \_\_\_\_\_

- A. Dasar Literal
- B. Dasar Pecah dan Perintah
- C. Dasar Diskriminasi Kaum
- D. Dasar Pandang ke Timur

CLO1  
C2

7.

Singapura dikeluarkan daripada Persekutuan Malaysia pada 1965 adalah disebabkan oleh \_\_\_\_\_

- A. isu perkauman
- B. konsep "*Asia untuk orang Asia*"
- C. persaingan ekonomi dan pendidikan
- D. tuntutan Singapura terhadap Pulau Batu Putih di selatan Johor

CLO1  
C2

8.

Manakah antara berikut **BUKAN** merupakan faktor yang mendorong kepada pembentukan Malaysia?

- A. Memberi kemerdekaan kepada Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura
- B. Membela masyarakat bumiputera di Sabah dan Sarawak
- C. Menggalakkan penyebaran pengaruh komunis
- D. Perkongsian faedah ekonomi

CLO2  
C1

9.

Manakah antara berikut berkaitan dengan rancangan pembangunan negara peringkat zaman pra merdeka?

- A. Rangka Pembangunan Persekutuan Tanah Melayu
- B. Rancangan Malaysia Pertama
- C. Rancangan Malaya Kedua
- D. Rancangan Ekonomi Baru

- CLO2  
C1
10. Perlembagaan Malaysia juga dikenali sebagai \_\_\_\_\_
- A. Piagam Malaysia
  - B. Perlembagaan Negara
  - C. Perlembagaan Persekutuan
  - D. Perlembagaan Utama Negara
- CLO2  
C1
11. Apakah Suruhanjaya yang bertanggungjawab untuk meninjau pendapat dan pandangan rakyat Sarawak dan Sabah dalam proses pembentukan Persekutuan Malaysia?
- A. Suruhanjaya Reid
  - B. Suruhanjaya Diraja
  - C. Suruhanjaya Cobbold
  - D. Suruhanjaya Pilihanraya
- CLO2  
C1
12. Apakah isu utama yang memaksa Brunei menarik diri daripada menyertai Pembentukan Malaysia ?
- A. Meneruskan program kesenian
  - B. Mengekalkan separuh pelaburan
  - C. Menuntut 8 buah kerusi parlimen
  - D. Menguasai kesemua hasil minyak
- CLO2  
C2
13. Apakah tujuan utama penubuhan Suruhanjaya Reid?
- A. Menguruskan urusan persempadanan bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri
  - B. Merangka dan meneliti perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
  - C. Memilih Yang di-Pertuan Agong pertama
  - D. Melantik anggota Mahkamah Khas
- CLO2  
C2
14. Jelaskan kedudukan agama Islam dalam Perlembagaan Persekutuan?
- i. Agama Islam diperuntukkan sebagai agama Persekutuan.
  - ii. Raja atau Sultan ialah ketua Agama Islam bagi negeri masing-masing
  - iii. Setiap negeri mempunyai sebuah Majlis Agama Islam masing-masing.
  - iv. Agama Islam dinyatakan sebagai agama rasmi bagi negeri Sabah dan Sarawak
- A. i,ii dan iii
  - B. ii, iii dan iii
  - C. i, iii dan iv
  - D. ii, iii dan iv

CLO2  
C2

15. Antara pernyataan berikut, yang manakah merupakan konsep ketertinggian perlembagaan?
- Perlembagaan tidak boleh diubah
  - Parlimen memperoleh kuasa daripada perlembagaan dan jemaah menteri.
  - Yang Dipertuan Agong memerintah berdasarkan keputusan jemaah menteri.
  - Kuasa kehakiman dan legislatif tidak tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perlembagaan.

CLO2  
C2

16. Bagaimanakah perlembagaan boleh menjamin riwayat sesebuah negara?
- Perlembagaan menjamin hak asasi rakyat
  - Perlembagaan menjamin kerakyatan masyarakat
  - Perlembagaan menjadi asas kedamaian dan kesejahteraan negara
  - Perlembagaan membantu rakyat berpegang dengan satu matlamat untuk menghasilkan sebuah negara yang makmur dan utuh.

CLO2  
C2

17. Manakah pernyataan di bawah menjelaskan pernyataan yang **TIDAK BENAR**?

	Pilihanraya Umum	Pilihanraya Kecil
A	Diadakan untuk memilih ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri	Diadakan apabila berlaku kekosongan mana-mana kerusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.
B	Diadakan serentak di seluruh Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak	Kekosongan mungkin disebabkan kematian, perletakan jawatan dan perlucutan jawatan.
C	Di Sabah dan Sarawak, pilihan raya umum bagi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri diadakan secara berasingan.	Diadakan dalam tempoh 60 hari bagi Semenanjung Malaysia dan 90 hari bagi Sabah dan Sarawak
D	Di Sabah dan Sarawak, pilihan raya umum bagi Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri diadakan secara serentak.	Diadakan dalam tempoh 60 hari bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak

- CLO3  
C2
18. Apakah objektif Rukun Negara ?
- A. Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan
  - B. Menyatupadukan semua rakyat dan mengekalkan demokrasi selepas tragedi 13 Mei 1969
  - C. Memperkayakan dan mempertingkatkan kualiti kehidupan, kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi
  - D. Memperbaiki taraf dan kualiti hidup rakyat melalui pelajaran, latihan, kesihatan, kemudahan infrastruktur dan lain-lain
- CLO3  
C2
19. Peristiwa 13 Mei 1969 memberi pengajaran penting kepada rakyat Malaysia untuk memelihara keharmonian hubungan antara kaum seperti berikut **KECUALI**:
- A. Parti politik yang berasaskan perkauman perlu dihapuskan
  - B. Kepentingan hidup bersama dalam pelbagai skop kehidupan
  - C. Saling hormat menghormati dan bertoleransi antara masyarakat
  - D. Menerapkan persefahaman terhadap kepelbagaian kepercayaan
- CLO3  
C3
20. Proses yang berlaku apabila kumpulan minoriti telah mengamalkan budaya dan identiti sesebuah kumpulan etnik yang lebih besar dan boleh menyebabkan kumpulan minoriti ini kehilangan budaya asal mereka. Apakah proses yang merujuk kepada kenyataan di atas?
- A. Akulturasi
  - B. Asimilasi
  - C. Akomodasi
  - D. Amalgamasi
- CLO3  
C3
21. Apakah kesan daripada sistem pendidikan yang wujud di Tanah Melayu semasa pemerintahan British ?
- A. Pengasingan kaum
  - B. Penyelarasan sukatan pelajaran
  - C. Pengukuhan perpaduan sesama masyarakat
  - D. Pengurusan pendidikan menjadi lebih lancar

CLO3  
C3

22. Tragedi ini berlaku sebaik sahaja selepas pilihan raya 1969. DAP dan Gerakan telah mengadakan perarakan secara besar-besaran pada 11 dan 12 Mei 1969 yang sesetengahnya adalah tanpa izin daripada pihak polis.

Berikutan daripada peristiwa di atas, MAGERAN telah ditubuhkan. Apakah tujuan penubuhan MAGERAN?

- A. Mengembalikan keamanan dan undang-undang negara.
- B. Membantu kerajaan menggerakkan dan membimbing rakyat ke arah perpaduan negara.
- C. Berperanan untuk mendraf satu ideologi untuk negara yang kemudiannya dikenali sebagai Rukun Negara.
- D. Mengadakan garis panduan bagi kerjasama antara kaum dan integrasi nasional untuk memupuk identiti kebangsaan.

CLO3  
C3

23. Apakah usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk mewujudkan perpaduan di Malaysia selepas berlakunya peristiwa 13 Mei 1969 ?

- i. Memperkenalkan Dasar Kebudayaan
  - ii. Menubuhkan Kementerian Perpaduan Negara
  - iii. Memperkenalkan Dasar Pendidikan Kebangsaan
  - iv. Menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar
- A. i & iv
  - B. i, ii & iii
  - C. ii, iii & iv
  - D. i, ii, iii & iv

CLO3  
C3

24. Menekankan kedaulatan undang-undang dan menghormati dengan tidak melakukan sebarang kesalahan dari segi undang-undang.

Apakah pernyataan yang merujuk kepada prinsip di atas?

- A. Rukun Negara yang ke 1
- B. Rukun Negara yang ke 2
- C. Rukun Negara yang ke 3
- D. Rukun Negara yang ke 4

CLO3  
C3

25. Mengapakah pengasingan sistem pendidikan dianggap antara halangan dalam membentuk perpaduan rakyat selepas merdeka?
- A. Pembinaan sekolah Tamil di kawasan estet dengan pesat menyebabkan masyarakat Melayu terpinggir.
  - B. Wujud kepelbagaian sekolah mengikut kaum menyebabkan masyarakat di Tanah Melayu terpisah antara satu sama lain.
  - C. Masyarakat Melayu diberi peluang dalam sistem pendidikan beraliran Inggeris menyebabkan masyarakat Cina tidak berpuas hati.
  - D. Sistem pendidikan Cina diterapkan dalam kalangan masyarakat Melayu menyebabkan pendidikan sekolah Melayu semakin terpinggir.

CLO3  
C3

26. Dasar Kebudayaan antara lain bertujuan untuk mengukuhkan perpaduan pelbagai kaum melalui pemahaman budaya yang pelbagai. Apakah strategi yang digunakan bagi mencapai hasrat tersebut?
- A. Meninggikan taraf dan mutu kesenian
  - B. Menyatukan semua adat resam pelbagai kaum
  - C. Menyediakan pelbagai bentuk dan saluran hiburan
  - D. Menyatukan budaya luar ke dalam budaya tempatan

CLO3  
C3

27. Dasar Pembangunan Belia Negara adalah bertujuan untuk melahirkan generasi belia yang berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara. Berikut merupakan antara strategi untuk mencapai dasar ini **KECUALI**:
- A. Menerapkan nilai-nilai murni dan pembentukan sikap yang positif dalam kalangan belia
  - B. Mengelakkan generasi belia dari meningkatkan jaringan dan interaksi dengan masyarakat antarabangsa
  - C. Memanfaatkan perkongsian dan kerjasama antara agensi kerajaan, swasta dan lain-lain untuk pembangunan belia
  - D. Mempertingkatkan usaha mengembangkan ilmu pengetahuan dalam berbagai aspek bagi memantapkan generasi belia



CLO3  
C3

28.

- Memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat saksama
- Meningkatkan kesejahteraan rakyat
- Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju
- Menuju ke arah pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampanan dan daya saing
- Memperkukuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi
- Memperkasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran

Manakah Rancangan Malaysia yang merujuk kepada enam strategi di atas?

- A. Rancangan Malaysia ke 8
- B. Rancangan Malaysia ke 9
- C. Rancangan Malaysia ke 10
- D. Rancangan Malaysia ke 11

CLO3  
C3

29.

- Membasmi kemiskinan dengan menambah pendapatan dan memperbanyakkan peluang pekerjaan kepada semua rakyat tanpa mengira kaum
- Menyusun semula masyarakat untuk mengurangkan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

A

Apakah dasar yang merujuk pernyataan di atas?

- A. Dasar Belia Negara
- B. Dasar Ekonomi Baru
- C. Dasar Pembangunan Nasional
- D. Dasar Kebudayaan Kebangsaan

CLO3  
C3

30.

Rancangan ini adalah sebuah pelan induk yang memberikan hala tuju serta bimbingan kepada semua masyarakat. Objektifnya untuk menjadi Malaysia sebuah negara maju mengikut acuan sendiri dengan membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya.

Pernyataan di atas merujuk kepada....

- A. Pelan Integriti Nasional
- B. Dasar wawasan Negara
- C. Dasar Pembangunan Nasional
- D. Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional

CLO3  
C3

31. Rancangan Malaysia Kespuluh (RMK10) merumuskan dalam bentuk 10 idea utama untuk mencapai negara maju. Antara berikut, yang manakah termasuk dalam RMK10?

- i. Menghargai khazanah alam sekitar
- ii. Pertumbuhan bertumpu, pembangunan inklusif
- iii. Pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat
- iv. Menjayakan pertumbuhan yang diterajui oleh produktiviti dan inovasi

- A. i, ii & iii
- B. i, ii & iv
- C. i, iii & iv
- D. ii, iii & iv

- Pendapatan bulanan isi rumah lebih 20 kali ganda
- Peningkatan peratus boleh membaca dan menulis

CLO3  
C3

32. Apakah yang merujuk kepada kenyataan di atas?

- A. Wawasan 2020
- B. Rancangan Malaysia
- C. Dasar Perpaduan Negara
- D. Dasar Transformasi Nasional

CLO3  
C3

33. Apakah tujuan utama konsep SEANWFZ yang telah dipersetujui oleh negara ASEAN?

- A. ASEAN sebagai rantau yang bebas dari tempat persaingan kuasa nuklear
- B. ASEAN sebagai rantau yang bebas daripada persaingan kuasa-kuasa besar
- C. ASEAN sebagai rantau yang berkongsi kepakaran dalam bidang pendidikan
- D. ASEAN sebagai rantau yang bekerjasama dalam bidang penyelidikan penyakit- penyakit seperti denggi dan hepatitis.

- CLO3  
C3
34. Sejak dari zaman awal lagi Malaysia telah mengadakan hubungan diplomatik dan perdagangan dengan semua negara berikut kecuali Israel. Kenapakah Malaysia tidak menjalinkan hubungan diplomatik dengan Israel?
- A. Israel tidak mengiktiraf PBB
  - B. Israel tidak mengiktiraf negara Palestin
  - C. tindakan Israel menzalimi dan menafikan hak rakyat Palestin
  - D. Perang Israel-Palestin yang menjadikan kawasan itu berbahaya
- CLO3  
C3
35. Pendirian Malaysia dalam menangani isu-isu antarabangsa adalah berkait rapat dengan prinsip dan dasar luar Malaysia yang menekankan kepada beberapa prinsip. Bagaimanakah prinsip Malaysia dalam menangani isu-isu luar negara?
- i. Berpegang kepada prinsip ZOPFAN
  - ii. Sesebuah negara berhak menentukan nasibnya sendiri
  - iii. Sebarang pertikaian hendaklah diselesaikan secara aman melalui meja perundingan
  - iv. Menyokong kepada cadangan agar Antartika dijadikan sebagai '*Common Heritage of Mankind*'
- A. i dan ii
  - B. i, ii dan iii
  - C. i, ii dan iv
  - D. i, ii, iii dan iv
- CLO3  
C3
36. ASEAN merupakan sebuah pertubuhan kebangsaan yang disertai Malaysia. Pilih pernyataan yang **BENAR** tentang ASEAN.
- i. Mempercepatkan pembangunan Ekonomi
  - ii. Mewujudkan keamanan dan kestabilan serantau
  - iii. Mempercepatkan kemajuan sosial dan kebudayaan
  - iv. Mengelakkan campur tangan politik dan ketenteraan kuasa-kuasa besar seperti Amerika, Rusia dan Cina
- A. i dan ii
  - B. i, ii dan iii
  - C. ii, iii dan iv
  - D. i, ii, iii dan iv

CLO3  
C3

37. Hujan lebat yang berterusan kerap menjadi punca kepada berlakunya tragedi tanah runtuh di kawasan tanah tinggi seperti di Cameron Highland. Apakah langkah utama bagi mengelakkan berlakunya tragedi tersebut?

- A. Perhutanan semula
- B. Penanaman berteres
- C. Mengadakan pertanian tetap
- D. Melandaikan cerun dan membuat tarahan

CLO3  
C3

38. Tindakan Pembangunan Modal Insan dilaksanakan mengikut bidang tertentu. Apakah tindakan utama yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam bidang pendidikan menerusi pembangunan Modal Insan?

- A. Menubuhkan Institut Integriti Nasional
- B. Memperkenalkan Program Latihan Khidmat Negara
- C. Melaksanakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara
- D. Memperkenalkan Program *Human Capital Development*

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Congo 1961</li><li>• Somalia 1995</li><li>• Bosnia 1996</li></ul> |
|---|

CLO3  
C3

39. Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai hubungan baik dengan negara-negara luar. Bagaimanakah usaha yang telah dilakukan oleh Malaysia dengan negara-negara di atas.

- A. Mengatur jalan perdamaian.
- B. Menyalurkan bantuan kewangan.
- C. Menghantar pasukan pengaman di bawah panji-panji PBB.
- D. Menghantar pasukan pengaman di bawah panji-panji UNESCO

Pemberian status "Skim Keutamaan Am" (GSP) bagi barangan Malaysia

CLO3  
C3

40. Kenyataan di atas merupakan faedah yang diperolehi apabila menganggotai pertubuhan . Apakah pertubuhan yang merujuk kepada faedah yang diperolehi apabila menganggotai pertubuhan di atas?
- A. PBB
  - B. OIC
  - C. NAM
  - D. KOMANWEL

**SOALAN TAMAT**